

DIMENSI K O O P

ISSN - 1823 1586 / BIL.80 [3/2024] / RM8.50



ESG

Dalam Koperasi



Pencetus Minda Koperasi Negara

DARI MEJA

Ketua Editor

Assalamualaikum dan Salam sejahtera kepada para pembaca setia Majalah Dimensi Koop,

Alhamdulillah, majalah Dimensi Koop bil.80 telah berjaya diterbitkan. Sebagai suara rasmi kepada gerakan koperasi di Malaysia, IKMa sentiasa berusaha untuk memastikan setiap isu yang diterbitkan memberikan manfaat, inspirasi, dan maklumat terkini kepada pembaca setia melalui bahan penerbitan yang diterbitkan setiap tahun.

Pada tahun 2024, Malaysia berada pada kedudukan kedua selepas Singapura yang paling tinggi menerapkan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) di ASEAN, meskipun tahap penggunaan amalan global itu dalam kalangan Perusahaan Kecil dan sederhana (PKS) tempatan masih rendah.



□ □ **ESG bukanlah sekadar istilah yang menjadi trend, tetapi ia adalah satu pendekatan strategik yang mampu membawa perubahan besar dalam bagaimana organisasi, termasuk koperasi, beroperasi untuk memastikan kelestarian jangka panjang.** □ □

Dalam suasana global yang semakin kompleks dengan cabaran perubahan iklim, ketidaksamaan sosial, dan keperluan ketelusan, penerapan prinsip ESG adalah satu keperluan, bukan lagi pilihan. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif yang dibangunkan oleh kerajaan termasuklah mewujudkan rangka kerja dan dasar yang digubal sebagai panduan dalam memperkukuhkan ekosistem ESG Malaysia.

Sebagai entiti yang berlandaskan prinsip kebajikan untuk anggota, koperasi di Malaysia mempunyai kelebihan unik untuk mengintegrasikan ESG dalam operasi mereka. Penerapan prinsip ESG bukan sahaja dapat meningkatkan daya tahan koperasi terhadap cabaran semasa, malah mampu menarik

lebih ramai generasi muda yang semakin peka terhadap isu kelestarian. Sebagai contoh dari aspek kelestarian operasi, ketidakbergantungan penggunaan sumber semula jadi dan memperkenalkan amalan mesra alam, koperasi dapat menjamin kelangsungan perniagaan mereka tanpa menjejaskan alam sekitar. Selain itu, melalui pelaksanaan program sosial seperti latihan kemahiran, peluang pekerjaan kepada golongan rentan, dan pembangunan komuniti, koperasi dapat memainkan peranan besar dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Malah, melalui ESG, koperasi dapat mempraktikkan amalan tadbir urus yang telus dalam pengurusan sekali gus memperkukuhkan reputasi organisasi apabila kepercayaan anggota meningkat.

Justeru, menyedari tentang kepentingan ESG dalam koperasi yang amat relevan dan penting pada masa kini, ESG diketengahkan sebagai tajuk utama yang menghiasi muka hadapan Majalah Dimensi Koop. Beberapa artikel lain yang menarik turut diselitkan untuk memberi inspirasi kepada koperasi di seluruh negara untuk berani mencuba idea-idea baharu dan terus kekal berdaya saing dalam dunia yang semakin pesat berubah.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah membaca Majalah Dimensi Koop. Teruslah menyokong Dimensi Koop sebagai platform ilmu dan inspirasi untuk gerakan koperasi di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Mohd Zaib bin Mat Yunus

SIDANG REDAKSI

Dimensi Koop



Ketua Editor

MOHD ZAIB MAT YUNUS



Penaung / Penasihat

DATUK MOHD ALI MANSOR
KETUA PENGARAH



Timbalan Ketua Editor

NOR AZLINA KASSIM

SIDANG EDITOR




**DR. MOHD SHAHRON
ANUAR SAID**



AZMALIZA ARIFIN



**NORHAYATI
ABD. RAHMAN**



SALWANA ALI



MOHD NUSI
ABD RAHMAN



NOR ARMA ABU TALIB



HASRIN
ABU HASSAN



NORANITA MOHD NOR




KHAIRUL AKMAL
SAIM



ROHALINDA
AHAD



JULIZAH
SABSTU



INTAN NUR AZREEN
MOHAMAD RADZI



SHARIFAH SHUZAIDA
SAEDIN



NOR ALYANI
ABDUL RAZAK



ZAHARATUL LAILI
ZAKARIA

KANDUNGAN



8

Membangkit
Citra Koperasi



16

Peluang
Perniagaan Roti
kepada Koperasi



26

Mengaplikasikan
Teori IKEA
Effect dalam
Revolusi
Pemasaran
Koperasi



36

ESG dalam
Koperasi



44

Memperkasakan
Koperasi Melalui
Pelancongan
Islam: Peluang
dan Cabaran

Dimensi Koop 80



54

Strategies For Supporting Co-operatives in Malaysia Gig Economy




62

52 Tahun Masyarakat Orang Asli Berkoperasi




72

Memperkasa Koperasi Mikro: Transformasi Ekonomi Komuniti Melalui Inovasi dan Kolaborasi



80

Koperasi Pada Era Vuca: Keperluan Pengurusan Risiko yang Berkesan



92

AI dan Keselamatan Siber